

Pindaan untuk perkemas pentadbiran negara

ALOR STAR, Ahad — Pindaan perlembagaan yang diluluskan oleh Parlimen Ogos lalu hanya bertujuan untuk mengemas dan menyelaraskan pentadbiran negara. Setiausaha Persatuan Penghulu-Penghulu Negeri Kedah, Encik Hashim bin Chik berkata semalam.

Beliau berpendapat, pindaan akta itu akan memperkukuh lagi kedudukan raja-raja yang termaktub dalam perlembagaan.

"Saya mengetahui lanjut tujuan pindaan itu yang dijelaskan di perhimpunan agung khas Pemuda Umno Malaysia.

Beliau yang hadir sebagai seorang wakil dari bahagian Umno Jeral, berpuashati dengan penjelasan panjang lebar mengenai tujuan pindaan itu.

Menurut Encik Hashim, akta pindaan itu amat wajar disokong oleh segenap lapisan masyarakat.

Sesuai

Jurucakap Persatuan Kakitangan Pejabat Zakat Kedah juga menyokong pindaan itu.

Beliau berkata pindaan itu ialah semata-mata untuk memperkemas dan menyelaraskan pentadbiran di seluruh negara, demi kepentingan masyarakat Islam.

"Pindaan itu sesuai dengan hasrat Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh kerana kesederhanaannya dalam pemerintahan yang berlandaskan lunas-lunas Islam.

"Saya harap cita-cita suci Datuk Seri Dr Mahathir diberi sokongan padu oleh seluruh masyarakat Islam negara ini yang ingin melihat Islam, sebagai agama rasmi diletakkan di tahap yang tinggi."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia